



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tawaran adalah dipelawa kepada perseorangan dan syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

BIL.	PTJ	KETERANGAN ASET	NO. PLAT.	HARGA JUALAN (RM)	DEPOSIT 5% (RM)	NOMBOR SEBUT HARGA	TARIKH MELIHAT ASET 19 JANUARI 2026
1	CIDB WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	NISSAN X-TRAIL 2.0	WUS 3845	RM 15,510.00	RM 775.50	ASET/PK/SH/2025-2/6	<p>CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,, Tingkat 11, Wisma FGV Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.</p> <p>Pegawai Bertanggungjawab :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nor Wahidah Binti Khalid 2. Norharlinda Binti Abdul Rahman <p>No Telefon Pejabat : 03-2618 0000</p>
2	CIDB NEGERI SARAWAK	NISSAN X-TRAIL 2.5	WSQ 6471	RM 5,650.00	RM 282.50	ASET/PK/SH/2025-2/11	<p>CIDB Negeri Sarawak, Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching, Sarawak.</p> <p>Pegawai Bertanggungjawab :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Munawirah Binti Saibi 2. Daniellie Binti Matu <p>No Telefon Pejabat : 082-445 833</p>
3	CIDB NEGERI SEMBILAN	NISSAN X-TRAIL 2.5	WWL 5805	RM 13,000.00	RM 650.00	ASET/PK/SH/2025-2/14	<p>CIDB Negeri Sembilan, Wisma KoCIDB Lot D30, Persiaran Utama S2/B2 Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan.</p> <p>Pegawai Bertanggungjawab :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nur Sharizan Binti Mohamad Shuhaimi 2. Wahyudi Bin Abdul Gani <p>No Telefon Pejabat : 06-6016 311</p>

Jadual 1

2. Perihal Sebut Harga :

- 2.1 Tarikh Iklan dan Jual Sebut harga : 14 Januari 2026
- 2.2 Tarikh Lawatan Kenderaan : 19 Januari 2026
- 2.3 Tarikh Tutup Sebut harga : 21 Januari 2026
- 2.4 Tempoh Sebut harga : 8 Hari

3. Aset boleh dilihat pada tetapan di Jadual 1.

4. Tawaran sebut harga boleh dilakukan dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang akan diperolehi selepas pembayaran deposit. Dokumen tawaran sebut harga akan diserahkan selepas pengesahan bukti pembayaran deposit diserahkan kepada Unit Pengurusan Fasiliti. Tawaran sebut harga sah bagi tempoh 90 hari.

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat dan di tanda Nombor Sebut Harga di sebelah kanan sampul dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti di bawah :

**UNIT PENGURUSAN FASILITI,
TINGKAT 10, CIDB 520,
THE MET CORPORATE TOWERS,
NO.20 JALAN DUTAMAS 2,
50480 KUALA LUMPUR.**

6. Tarikh tutup sebut harga pada **21 Januari 2026 jam 12.00** tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



FAZILAH BT MUSTAFA

Unit Pengurusan Fasiliti

Sektor Dasar & Korporat

Tarikh : 14/1/2026

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Semua kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
2. CIDB adalah tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual.
3. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan tersebut seperti kos mengangkut, caj pertukaran hak milik dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
4. Penyebutharga yang berjaya hendaklah :
 - a. Membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemakluman pembayaran. Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan harga tawaran. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
 - b. Mengambil kenderaan selepas selesai pemeriksaan puspakom dan pertukaran nama di JPJ dalam tempoh tujuh (7) hari. Sekiranya gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan CIDB berhak untuk mengeluarkan dan melupuskan kenderaan tersebut dari premis.
5. Walaubagaimanapun, Borang Sebut harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28) tersebut hanya akan diserahkan kepada penyebutharga yang **telah menjelaskan deposit** dengan terma berikut :
 - a. Pembayaran deposit adalah sebanyak **5% daripada Harga Jualan** bagi setiap unit kenderaan (Rujuk jadual yang dinyatakan).
 - b. Bayaran deposit hendaklah dibuat secara **pindahan wang (EFT)** atas nama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kepada **Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat 15, CIDB 520, The MET Corporate Towers, No 20 Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur.**

Maklumat Pembayaran	
Nombor Akaun Bank	8000633320
Bank	CIMB Bank Berhad
Nama Akaun	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Reference 1	Deposit Kenderaan CIDB
Reference 2	Nombor Pendaftaran Kenderaan

 - c. Bukti pembayaran deposit wajib disertakan bersama **Borang Pengesahan Maklumat/Individu** yang telah lengkap diisi dan emel kepada hasilhq@cidb.gov.my, salinan email kepada aset@cidb.gov.my.
 - d. Penyebutharga perlu **mengemukakan resit pembayaran sebagai bukti** bagi mendapatkan Borang Sebut harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28).
 - e. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga adalah tidak akan dipertimbangkan.

- f. Deposit sebut harga bagi penyebutharga yang berjaya akan diselaraskan dengan harga keseluruhan kenderaan yang telah ditawarkan.
 - g. Jika penyebutharga enggan meneruskan pembelian kenderaan selepas keputusan Jawatankuasa Sebut harga Pelupusan Kenderaan CIDB dibuat atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, deposit tidak akan dikembalikan.
 - h. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebutharga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan aset tersebut.
6. Bagi sebut harga yang diterima lewat :
- a. Dokumen yang diterima tidak akan dipertimbangkan.
 - b. Deposit sebut harga akan dikembalikan selepas pembida yang berjaya menjelaskan bayaran penuh.
7. Bagi tawaran sebut harga yang tidak lengkap diisi CIDB berhak untuk menolak sebut harga tersebut untuk dinilai walaupun harga yang ditawarkan adalah paling tertinggi.
8. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila email kepada aset@cidb.gov.my.